

Kelantan sasar 12 juta pelancong

Kota Bharu: Kelantan menyasarkan kemasukan 12 juta pelancong ke negeri itu sempena Tahun Melawat Malaysia (TMM 2026).

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Negeri Datuk Kamaruddin Md Noor berkata, ia meliputi pelancong dalam negara dan luar negara.

Katanya, bagi mencapai sasaran berkenaan, pelbagai program dianjurkan kerajaan negeri dengan kerjasama pelbagai pihak.

“Kita mempunyai 52 program yang akan dianjurkan sepanjang tahun ini bagi menarik pelancong ke Kelantan sempena TMM 2026.

“Jika sebelum ini 90 peratus adalah pelancong dalam negara dan hanya 10 peratus luar negara, na-

mun tahun ini kita menyasarkan lebih ramai pelancong luar negara.

“Sebelum ini kebanyakan pelancong luar negara hanya menjadikan Kelantan sebagai transit untuk ke Pulau Perhentian, namun menerusi pelbagai program yang akan dianjurkan, kita

percaya mampu menarik mereka untuk berlama-lama di Kelantan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menyambut ketibaan pelancong di pintu masuk sempena Tahun Melawat Malaysia 2026 (TMM 2026) di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP) di sini, semalam.

Mengulas lanjut katanya, bermula Mac tahun ini juga Kelantan sudah mempunyai feri untuk ke Pulau Perhentian di Terengganu.

“
**Kita mempunyai
52 program yang
akan dianjurkan
sepanjang
tahun ini
Kamaruddin**